

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA (TASEK GELUGOR)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri logistik dan pergudangan. Berapa bilangan pemilik Bumiputera dalam industri itu sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan Malaysia selaku penggubal dasar bagi sektor logistik sentiasa menitik berat pembangunan sektor ini secara holistik yang melibatkan semua pemegang taruh memandangkan ianya secara langsung mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Sehubungan itu, pelbagai strategi dan inisiatif telah dirangka di dalam Pelan Induk Logistik & Fasilitasi Perdagangan (*Logistics and Trade Facilitation Masterplan*) 2015-2020, Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 dan RMKe-12 untuk menjadikan Malaysia sebagai "*The Preferred Logistik Gateway to Asia*". Antara strategi dan inisiatif yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. Memperkukuhkan mekanisme fasilitasi perdagangan;
- ii. Membangunkan infrastruktur;
- iii. Membangunkan permintaan fret;
- iv. Mendorong inovasi berasaskan ICT; dan
- v. Memperkukuhkan kebolehan penyedia perkhidmatan logistik.

Kementerian Pengangkutan Malaysia juga telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan terdapat penglibatan aktif persatuan-persatuan yang mewakili pihak industri logistik secara keseluruhan dalam proses pembentukan dasar negara berhubung logistik.

Maklumat daripada *Federation of Malaysian Freight Forwarders* (FMFF) menganggarkan sebanyak 6,000 *freight forwarder* dan agen kastam beroperasi di Malaysia pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 3,500 adalah syarikat *freight forwarder* yang berstatus bumiputera.